

Lawatan Ke Projek Kelulut Kg. Bukit Besar (17 Januari 2019)

Seramai 10 orang kakitangan MADA bersama-sama dengan Yang Berbahagia Dato' Pengurus Besar MADA telah mengadakan sesi lawatan kerja ke Ladang Madu Kelulut yang berlokasi di Kampung Kolam Air Bukit Besar, Kota Sarang Semut, Alor Setar setelah selesai mempengerusikan Mesyuarat Pengurusan di Pejabat Wilayah IV, MADA Kota Sarang Semut.

Lawatan kerja yang bermula pada jam 12.00 tengahari itu sedikit sebanyak telah memberikan ketenangan dan kepuasan ketika melangkahkan kaki ke Ladang Madu Kelulut yang diuruskan sepenuhnya oleh Puan Nur Aliza Binti Abu Samah, seorang usahawan di bawah bimbingan MADA.



Umpama terapi diri, kawasan projek yang terletak di suatu kawasan yang terpencil dari jalan utama ini dapat memberikan satu nafas baru kepada para pengunjung yang datang. Terdapat 3 jenis projek yang dilaksanakan seperti Ternakan Kelulut, Tanaman Cendawan dan Ternakan Ikan Talapia. Pengusaha Ladang Madu Kelulut ini juga telah mengeluarkan beberapa produk yang terhasil dari madu kelulut seperti sabun madu, sabun madu kunyit dan lain-lain.



Diakhir lawatannya, Yang Berbahagia Dato' sempat meluangkan masa menghadiri ke Majlis Persaraan Tuan Haji Nasiruddin Bin Abdullah, pengarah Bahagian Pengurusan empangan & Sumber Air bertempat di Kompleks Latihan MADA, Alor Setar.

